

Dewan Bandaraya **BERITA**



NOV - DEC 87

DATARAN MERDEKA UNTUK MENARIK PERHATIAN PELANCONG

Padang Kelab Selangor kini dikenali sebagai Dataran Merdeka dan akan dihias dengan bunga-bunga serta pokok-pokok yang boleh dipindah-pindahkan.

Padang Kelab Selangor yang merupakan tempat bersejarah ketika pengistiharan kemerdekaan dan penurunan bendera 'UNION JACK' pada 31 Ogos 1957 itu akan dapat menarik perhatian para pelancong terutama dari luar negeri di samping Bangunan Sultan Abdul Samad yang bertentangan dengan padang tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr. Mohammad Yusuf Haji Mohammad Nor mengumumkan perkara ini semasa lawatan rasmi belfat ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 10 November lalu.

Beliau juga memohon pihak DBKL untuk membiarkan jejantas bagi menyambangi Ibu Negara ke bukit di belakang Bangunan Pusat Islam, Jalan Lembah bagi kegunaan para pelancong terutama dari luar negeri, yang lebih berminat berjalan kaki daripada menggunakan kenderaan.


Menurut beliau lagi dari Jalan Lembah, pelancong pelancong dapat menyaksikan keindahan bangunan Pusat Islam, Balai Islam, Masjid Negara, Stesen Keretapi, Dayabumi, Impakraf dan Bangunan Sultan Abdul Samad.

Dato' Dr. Mohammad Yusuf berharap kedua-dua idea Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad itu dapat disiapkan dalam tempoh setahun menjelang Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1989.

Terdahulu daripada itu, Datuk Bandar, Dato' Elias Omar dalam ucapan alu-aluannya berkata DBKL sentiasa memberi perhatian yang wajar dalam

semua aspek termasuk pengangkutan awam, taman dan rekreasi, settingan, penjaja, perumahan awam dan perancangan pembangunan untuk kesejahteraan penduduk Kuala Lumpur.

Timbalan Ketua Pengarah II, Encik Lau Lee Ching telah menyampaikan taklimat mengenai organisasi, pentadbiran dan projek-projek pembangunan DBKL kepada Dato' Dr. Mohammad Yusuf Hj. Mohammad Nor, bertempat di Bilik Gerakan DBKL. •



Dataran Merdeka yang mencatakan sejarah tanahair.

EDITORIAL

Penasihat

Encik Abu Bakar Effendie

Editor

Encik Jamaluddin Alias

Penolong Editor

Encik Mohd. Hashim Mohd. Ali

Pemberita

Encik Wan Abdullah Wan Abdul Ghani

Rekaletak

Encik Che' Azmi Haji Ismail

Jurufoto

Encik Mubarok Mohd. Atan

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana dan kartun mengenai aktiviti Jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam risalah Berita Dewan Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada Encik Jamaluddin Alias dan Encik Wan Abdullah Wan Ghani telefon 2922722 atau ditulis kepada:-

Editor

Berita Dewan Bandaraya

Jabatan Hal Ehwal Awam

Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur

Sungai Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

PERHATIAN

Sentiasa perhatikan dan fikirkan dalam Berita Dewan Bandaraya tidak semestinya pendapat resmi pentadbiran Dewan Bandaraya.

Menteri Besar Lawati Pasar Borong Sementara



Rombongan Dato' Muhammad sedang mendengar taklimat

Menteri Besar Selangor Darul Ehsan Dato' Muhammad Haji Mohd. Taib mengetuai satu rombongan yang terdiri daripada pegawai-

pegawai kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan 64 orang siswazah menganggur ke Pasar Borong Selayang pada jam 4.00 pagi. 6 Disember lalu.

Menurut Timbalan Pengusaha Jabatan Penggunaan Penjaja, Tuan Syed Mohd. Tahir bin Syed Abu Bakar lawatan itu bertujuan mendapatkan maklumat berhubung dengan Pasar Borong Selayang kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan siswazah menganggur, meninjau peluang perniagaan dan mendedahkan mereka kepada peluang-peluang perniagaan di samping bertukar-tukar pendapat dengan pegawai-pegawai Jabatan Pengurusan Penjaja.

Taklimat kepada rombongan ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengusaha, Tuan Syed Mohd. Tahir bin Syed Abu Bakar.

145,017 Setinggan Masih Wujud

Kini masih terdapat seramai 145,017 orang penduduk setinggan berbanding dengan seramai 26,887 orang penduduk yang tinggal di 37 buah kampung tetap di Kuala Lumpur.

Kawasan yang paling ramai mempunyai penduduk setinggan ialah kawasan Parlimen Lembah Pantai dengan seramai 33,547 orang, diikuti oleh Kawasan Parlimen Batu dengan seramai 27,223 orang.

Usaha mengawal dan membanteras pertumbuhan kawasan-kawasan setinggan yang baharu dibuat oleh Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya secara membahagikan kawasan-kawasan kepada sepuluh zon iaitu Kepong, Cheras, Jinjang/Kampung Batu, Gombak/Setapak, Kampung Datuk Keramat, Setapak Jaya/Wangsa Maju, Damansara/Bukit Kiara, Kampung Pandan/Ampang,



Kawasan rumah setinggan sebahagian nadi Kuala Lumpur.

Pantai/Kampung Kerinch, Sungai Besi/Salak Selatan dan Puchong/Bukit Jalil.

Butir-butir ini telah diberikan kepada Berita Bandaraya oleh Timbalan Pengarah Direktorat Penguatkuasaan, Encik Safar Hj. Awang, di pejabatnya pada 16 Disember lalu.

Penyerahan Jejantas Jalan Pantai

Jejantas yang merintangi Jalan Pantai sumbangan Lembaga Letrik Negara (LLN) diserahkan secara rasmi kepada Dewan Bandaraya (DBKL) dalam satu upacara ringkas di atas jejantas tersebut pada 23 Disember lalu.

Datuk Bandar, Dato' Elyas Omar, semasa menerima penyerahan ini daripada Pengurus Besar LLN, Dato' Mohd. Jalaluddin, berharap sumbangan ini akan menjadi satu contoh kepada sektor swasta dalam membantu menyediakan kemudahan sosial kepada orang ramai.

Sebagai menghargai sumbangan ini, Datuk Bandar memberi kebenaran kepada LLN untuk mengutip hasil penyewaan ruang paparan iklan di jejantas tersebut untuk tempoh sepuluh tahun.

Jejantas yang dibina sejak Mei dan siap pada September 1987 ini berharga sejumlah \$270,000 dengan sumbangan daripada DBKL sebanyak \$100,000.●



Dato' Elyas Omar dan Dato' Mohd. Jalaluddin sedang memotong ribbon perasmian penyerahan jejantas Jalan Pantai.

Waris-waris Terima Pampasan \$31,695

Cek-cek berjumlah \$31,695 yang merupakan pampasan di bawah Skim Insuran Berkelompok disampaikan kepada waris-waris mendiang tiga orang kakitangan DBKL dalam satu majlis penerangan mengenai Kempen Keselamatan Sosial di Auditorium Dewan Bandaraya pada 9 Disember lalu.

Puan Valarmathi a/p Muthusamy, 25, balu kepada mendiang Encik Kalviarasis a/l Selvarajoo, menerima pampasan berjumlah \$10,500; Puan Ganasilvam a/p Krishnan, 37, balu kepada mendiang Encik Selambuthu a/l Krishnan, menerima sejumlah \$10,595 dan waris kepada mendiang Encik Raman a/l Parianan menerima sejumlah \$10,600.

Ketiga-tiga mereka yang meninggal dunia adalah bekas pekerja-pekerja am Dewan Bandaraya yang bertugas di



Tuan Haji Abdul Ghani Mohd. Rais menyampaikan cek kepada Puan Valarmathi a/p Muthusamy.

Jabatan Perkhidmatan Bandar. Cek-cek disampaikan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar, Tuan Hj. Abdul Ghani Mohd. Rais.

Semasa menyampaikan ucapannya di majlis itu, Tuan Hj. Abdul Ghani berkata, Skim Perlindungan

PERKESO yang dihentikan mulai 1 November 1984 kini digantikan dengan Skim Insuran Nyawa Dengan Faedah Berganda Berkelompok seperti yang dilancarkan oleh Datuk Bandar pada 21 Mei 1985.

Lihat muka surat 8